

# Guna undi jamin masa depan negara - Anwar

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL  
dan ISWAN SHAFIQ ISA  
utusannews@mediamulia.com.my

**KEPALA BATAS:** Pengundi muda berusia antara 18 hingga 25 tahun yang mempunyai pengaruh besar dalam menentukan corak politik dan masa depan negara harus memikirkan dengan sebaik-baik sebelum mengundi termasuk dalam pilihan raya negeri (PRN) minggu depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia sama ada kelompok pengundi muda itu mahukan sebuah negara dengan keterlibatan se-

mua kaum yang memiliki dasar ekonomi yang jelas serta mampu menarik pelaburan sekali gus dapat menjamin masa depan mereka.

Atau, tambah beliau, sama ada mereka mahukan sebuah kerajaan seperti di negeri-negeri tertentu yang tidak ada pengalaman serta yang menakutkan pelabur untuk ke negeri berkenaan.

“Saya harap anak-anak muda membuat keputusan yang bijak dan pastikan masa depan anda terjamin, sebab anda yang akan menentukan apa yang anda mahukan untuk masa depan,” katanya pada program Temu

Anwar: Bicara Pendidikan Madani di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang, di sini semalam.

Anwar berkata, kerajaan pimpinannya akan terus berusaha untuk membawa lebih banyak pelaburan asing ke dalam negara seterusnya memastikan generasi muda mendapat peluang pekerjaan.

Sementara itu, dalam program terdahulu, Anwar mahu pengurusan IPT tempatan memberikan laporan terperinci berkenaan kepakaran, - tenaga akademik dan penyelidik yang dimiliki.

Jelas beliau, usaha itu bagi memastikan wujud sinergi dan

kerjasama langsung dengan IPT yang dapat dimanfaatkan pentadbiran negara seperti mana yang dilakukan di China.

“Kepakaran universiti ini mesti diangkat sepenuhnya. Andaiannya, jika ini dapat dilakukan dalam tempoh segera, kita boleh pacu ekonomi dan mencapai pertumbuhan enam peratus dalam masa singkat selain pelaburan negara juga boleh bertambah di luar jangkauan,” katanya.

Beliau menambah, kerajaan juga akan mendapatkan input daripada kepakaran yang dimiliki IPT dalam merangka Bajet Madani 2.0.